

**MESYUARAT PERTAMA PENGGAL KETIGA  
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG  
YANG KEEMPAT BELAS  
17 APRIL 2020**

**PERKARA : 5(B)(VII)6**

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN BATU UBAN  
YB. KUMARESAN A/L ARAMUGAM**

6. Wabak COVID-19 yang melanda Malaysia, telah mengakibatkan kesan teruk dan menjejaskan pendapatan peniaga kecil di Negeri Pulau Pinang.
- (a) Apakah bentuk bantuan yang akan disalurkan kepada mereka bagi meringankan bebanan akibat kehilangan punca pendapatan?
  - (b) Adakah PBT akan mengecualikan sewa gerai kepada penjaja dan peniaga berlesen dalam premis?

**YB. JAGDEEP SINGH DEO A/L KARPAL SINGH  
MENJAWAB BAGI PIHAK Y.A.B. KETUA MENTERI**

6. (a) Kerajaan Negeri amat prihatin terhadap nasib golongan penjaja yang kehilangan pendapatan dalam tempoh Perintah Kawalan Pergerakan (PKP). Bagi meringankan beban golongan penjaja ini, Kerajaan Negeri telah memberikan bantuan tunai secara *one-off* berjumlah RM500 kepada semua penjaja dan peniaga kecil berlesen di Pulau Pinang. Bantuan ini juga merangkumi peniaga pasar malam, pasar tani dan kendera saji (*food truck*).

Sejumlah RM7 juta telah diperuntukkan di bawah pakej Bantuan Rakyat Pulau Pinang bagi pakej bantuan tunai *one-off* RM500 kepada 14,012 orang penjaja dan peniaga kecil yang berlesen dengan Majlis Bandaraya Pulau Pinang (MBPP) dan Majlis Bandaraya Seberang Perai (MBSP).

Selain daripada itu, Kerajaan Negeri melalui kedua-dua Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) iaitu MBPP dan MBSP turut memperkenalkan inisiatif jualan makanan dalam talian untuk membantu penjaja dan peniaga kecil. MBPP telah menyediakan satu platform berkonsepkan perniagaan secara atas talian Jom Beli Online @ MBPP, bagi membantu peniaga dan penjaja kecil yang terjejas dengan pandemik COVID-19. Platform berkenaan adalah mesra pengguna kerana tidak perlu memuat turun sebarang aplikasi, sebaliknya hanya perlu melayari laman sesawang MBPP dan membuat pesanan makanan menerusi pautan projek Jom Beli Online @ MBPP. Sebagai permulaan, inisiatif ini akan menumpukan kepada para peniaga Kompleks Makanan MBPP sahaja, dan seterusnya akan diperluaskan kepada peniaga bazar Ramadan serta pasar awam.

MBSP pula sedang membangunkan portal e-Bazar Ramadan bagi membantu peniaga meneruskan perniagaan melalui dalam talian. Dalam portal berkenaan, semua peniaga di Seberang Perai yang mempunyai laman sosial antaranya *Facebook* dan *WhatsApp* akan didaftarkan dan jualan mereka akan dimasukkan ke dalam e-Katalog Bazar Ramadan yang boleh dipilih oleh pengguna. Portal tersebut akan memberi peluang kepada semua peniaga yang terkesan dengan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) untuk mencari rezeki pada Ramadan ini. Penjaja dan peniaga kecil yang berminat boleh melayari laman sesawang MBSP untuk menyertai e-Katalog Bazar Ramadan ini.

Kerajaan Negeri turut menggalakkan pihak swasta dan akademik yang ingin memberikan idea dan sumbangan bagi membantu golongan penjaja dan peniaga kecil untuk tampil ke hadapan dan bersama-sama Kerajaan Negeri meneroka kaedah baharu pasaran bagi penjajaan dan perniagaan.

- (b) Bagi meringankan lagi beban penjaja dan peniaga kecil, Kerajaan Negeri turut memberikan pengecualian sewa bagi bulan April 2020 melibatkan sebanyak 10,999 premis perniagaan milik Kerajaan Negeri dan Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) termasuk pasar awam, kompleks

makanan, ruang gerai dan sebagainya. Jumlah premis yang terlibat di kawasan MBPP ialah sebanyak 5,963 unit manakala jumlah premis yang terlibat di kawasan MBSP pula adalah sebanyak 4,589 unit.

Selain itu, semua Majlis Pengurusan Komuniti Kampung (MPKK) juga diarahkan untuk tidak mengutip sewa tapak pasar malam dan pasar pagi bagi tapak-tapak yang diuruskan oleh mereka bagi bulan April 2020. Jumlah kos yang ditanggung oleh Kerajaan Negeri adalah sebanyak RM1.61 juta.